

MALAYSIA
DEWAN NEGARA
ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI ISNIN, 16 DISEMBER 2024, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 29

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. PN-1533-L12820
Senator Tuan Manolan bin Mohamad minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan jumlah *foreign direct investment* (FDI) dan *domestic direct investment* (DDI) dari tahun 2020 hingga 2023 dengan menyenaraikan pelaburan di setiap negeri.
2. PN-1533-L12359
Senator Tuan Pele Peter Tinggom minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan bahawa tidak kurang daripada 10 projek bekalan air di Sarawak telah diluluskan namun tidak dapat dilaksanakan. Adakah Kementerian mempunyai perancangan untuk agensi pelaksana di Sarawak bagi melaksanakan projek-projek bekalan air tersebut dan projek yang baru.
3. PN-1533-L12993
Senator Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan usaha Kementerian untuk menangani isu kemahiran keibubapaan dalam cabaran era sosial media yang boleh menjejaskan aspek nilai kekeluargaan.
4. PN-1533-L12983
Senator Dato' Sivaraj a/l Chandran minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan jumlah penerima pinjaman Skim Pembangunan Usahawan Masyarakat India (SPUMI) sejak 2019 dan berapakah peratusan peminjam yang disenarai hitamkan akibat gagal membayar serta apakah langkah-langkah untuk menangani isu pembayaran balik tersebut.

5. PN-1533-L12948
Senator Dato' Sri Vell Paari a/ Tun Samy Vellu minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah perancangan Kementerian dalam memastikan operasi Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah berjalan dengan lancar memandangkan ia mempunyai kadar trafik yang agak sibuk pada waktu-waktu tertentu jika dibandingkan dengan lapangan terbang yang lain.
6. PN-1533-L12666
Senator Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan apakah perancangan Kementerian dalam membantu para pesawah menghadapi perubahan iklim yang tidak dijangka seperti banjir baru-baru ini yang menyebabkan kerugian hampir RM40 juta.
7. PN-1533-L12417
Senator Datuk Bobbey Bin Suan minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan :-
 - (a) Senarai syarikat 'soonicorn' yang berpotensi menjadi syarikat 'unicorn' mengikut pecahan Bumiputera dan bukan Bumiputera serta langkah yang diambil untuk merencanakan ekosistem syarikat pemula tempatan; dan
 - (b) Apakah hala tuju untuk menjadikan Malaysia sebagai hub pemula dan digital.
8. PN-1533-L12844
Senator Tuan Roderick Wong Siew Lead minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan apakah syarat bagi pengambilan Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) 3.0 dan adakah kemasukan secara sukarela akan dilaksanakan.
9. PN-1533-L12500
Senator Puan Susan Chemerai Anding minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah keberhasilan yang dapat dicapai melalui pelaksanaan cukai gula oleh Kerajaan dan adakah ia dapat memberi kesan positif kepada impak kesihatan awam khususnya dari segi pengambilan gula oleh masyarakat.

10. PN-1533-L12478

Senator Datuk Seri Dr. Hajah Zurainah binti Musa minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan status terkini rundingan pengecualian tarif oleh Amerika Syarikat terhadap syarikat-syarikat industri solar di Malaysia. Apakah tindakan Kerajaan untuk mengatasi isu ini memandangkan Malaysia tidak mempunyai sebarang perjanjian perdagangan bebas dengan Amerika Syarikat semenjak kegagalan *Trans-Pacific Partnership Agreement* (TPPA).

11. PN-1533-L12703

Senator Puan Rita Sarimah Anak Patrick Insol minta **MENTERI DIGITAL** menyatakan pencapaian Kementerian setakat ini melalui inisiatif untuk mewujudkan 50,000 pekerjaan bernilai tinggi melalui Strategi Pelaburan Digital Masa Depan5 (DIF5) dan apakah cabaran-cabaran yang dihadapi dalam melaksanakan strategi ini.

12. PN-1533-L12458

Senator Tuan Abun Sui Anyit minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan :-

- (a) Usaha Kementerian untuk mengekang kegiatan buli dalam kalangan pelajar yang sering berlaku di sekolah-sekolah terutama di sekolah berasrama; dan
- (b) Bagaimanakah tren kegiatan buli pelajar ini berlaku.

13. PN-1533-L12556

Senator Datuk Wira Koh Nai Kwong minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan pandangan Kementerian mengenai potensi kehilangan pekerjaan yang digantikan oleh automasi dan kecerdasan buatan (AI) di Malaysia. Apakah bentuk inisiatif terbaharu yang disediakan oleh Kementerian bagi membantu para pekerja yang terjejas akibat diganti oleh automasi dan AI.

14. PN-1533-L12396

Senator Dato' Kesavadas a/l A.Achyuthan Nair minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan status pegawai *piecemeal* yang bertugas di Jabatan Penyiaran Malaysia (RTM). Hal ini kerana, dilaporkan pegawai tersebut tidak menerima bayaran gaji kerana pelbagai alasan daripada pihak atasan.

15. PN-1533-L13103
Senator Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Che Salleh minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan usaha Kerajaan untuk menangani peningkatan kes jangkitan Tuberkulosis (TB) dan apakah perancangan baru Kementerian dalam menyediakan rawatan yang lebih efektif di kawasan luar bandar dan bandar.
16. PN-1533-L12824
Senator Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan peranan Kerajaan dalam memastikan harga barangan dan perkhidmatan asas tetap berpatutan bagi golongan berpendapatan rendah dan sederhana. Apakah faktor-faktor yang mempengaruhi jumlah perbelanjaan asas kehidupan di setiap kawasan di dalam negara.
17. PN-1533-L12758
Senator Tuan Azahar bin Hassan minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah terdapat peruntukan untuk membina Kolej Tingkatan Enam di negeri Perlis yang dilengkapi dengan asrama serta kemudahan setara dengan universiti awam.
18. PN-1533-L12775
Senator Datuk Haji Mustafa bin Musa minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan usaha-usaha yang dilaksanakan agar Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) tempatan menjadi pilihan utama bagi pelajar China untuk melanjutkan pengajian di peringkat Ijazah Pertama dan Ijazah Lanjutan agar hubungan dua hala dapat dipertingkatkan antara Malaysia dan China serta memperkukuhkan kerjasama dalam bidang ekonomi dan penyelidikan.
19. PN-1533-L12619
Senator Tuan Haji Baharuddin bin Ahmad minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan apakah langkah yang diambil oleh Kementerian bagi memastikan tidak berlakunya gelombang kenaikan harga barangan dan perkhidmatan kesan daripada pelaksanaan gaji minimum RM1,700 pada tahun hadapan.
20. PN-1533-L12744
Senator Datuk Dr. Haji Azhar bin Ahmad minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah usaha yang dilakukan Kementerian bagi membantu kanak-kanak yang terlibat di dalam kes GISBH baru-baru ini daripada mengalami trauma akibat pengalaman yang dilalui dari kes tersebut.

21. PN-1533-L13005

Senator Tuan Robert Lau Hui Yew minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk menggunakan sebahagian hasil kutipan daripada program Rakan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) bagi tujuan menambah baik hospital-hospital dan klinik-klinik yang daif.

22. PN-1533-L12798

Senator Dr. Lingeshwaran a/l Dato' Seri R. Arunasalam minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan perkembangan terkini untuk penggubalan Rang Undang-Undang (RUU) Perolehan Kerajaan yang telah diumumkan oleh mantan Menteri Kewangan I bahawa ia akan dibentangkan pada separuh tahun kedua 2024. Mengapakah berlaku kelewatan dan bilakah ia akan dibentangkan.

23. PN-1533-L13059

Senator Tuan Haji Abdul Nasir bin Haji Idris minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan apakah langkah progresif Kerajaan dalam menjaga keselamatan tentera Malaysia di Lubnan.

24. PN-1533-L12891

Senator Datuk Seri Prof. Emeritus Dr. Awang bin Sariyan minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan langkah yang diambil Kementerian untuk memastikan bahawa kelas kesusasteraan Melayu yang kian berkurangan sejak tahun 2002 segera diatasi bagi memenuhi aspirasi negara untuk melahirkan warganegara yang bersepadu ilmunya, berjati diri, menghargai warisan dan nilai-nilai murni bersama masyarakat Malaysia.

25. PN-1533-L12448

Senator Dato' Dr. Ahmad Azam bin Hamzah minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan bagaimanakah Kementerian menangani aduan daripada majikan yang menyatakan bahawa pelaksanaan gaji minima memberi tekanan kepada kos operasi mereka terutama bagi perusahaan kecil dan sederhana (PKS). Adakah terdapat kecenderungan majikan untuk mengambil pekerja asing atau kontrak sebagai alternatif .

26. PN-1533-L13085

Senator Tan Sri Datuk Seri Panglima Anifah bin Aman minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapakah peruntukan yang diberikan untuk Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) di Sabah dan bagaimanakah Kementerian dapat membantu golongan muda di Sabah dalam usaha meningkatkan produktiviti dan mengurangkan pengangguran.

27. PN-1533-L12599

Senator Dato' Ahmad bin Dato' Sri Hj. Ibrahim minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah status semasa mengenai cukai barangan mewah iaitu Cukai Barangan Bernilai Tinggi (HVGT) yang sepatutnya dilaksanakan pada Mei lalu berbanding dengan Cukai Barang Bernilai Rendah (LVG) yang terus dilaksanakan pada awal Januari tahun ini.

28. PN-1533-L12909

Senator Dato' Abdul Halim bin Suleiman minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan hala tuju Kementerian dalam memodenisasikan senjata dan aset Angkatan Tentera Malaysia (ATM).

29. PN-1533-L12783

Senator Datuk Haji Mustafa bin Musa minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan usaha-usaha lain yang lebih wajar diadakan selain penggunaan aplikasi i-Cemas di Hospital Melaka yang mula diguna pakai pada September 2024 agar Jabatan Kecemasan dan Trauma dapat mengagihkan kes-kes ke Hospital di daerah lain atau ke klinik kesihatan terdekat.

30. PN-1533-L12729

Senator Datuk Lim Pay Hen minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan apakah perancangan Kementerian untuk Semenanjung Malaysia yang dilihat masih lagi selesa dengan teknologi konvensional minyak dan masih lagi belum bergerak ke arah ekonomi hidrogen dengan mengambil inspirasi dari Sarawak yang komited untuk menjadikan negeri tersebut sebagai kuasa ekonomi hidrogen (*hydrogen powerhouse economy*).

31. PN-1533-L12646

Senator Datin Ros Suryati binti Alang minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status terkini laporan mengenai isu Global Ikhwan Services and Business Holdings (GISBH) yang terkait dalam soal pemesongan agama, penyebaran semula doktrin ajaran sesat Al-Arqam, eksploitasi kanak-kanak, permerdagangan orang, penderaan, kes liwat, salah guna kuasa dan pecah amanah, kesalahan Akta Syarikat dan pengubahan wang haram.

32. PN-1533-L12610

Senator Puan Anna Bell @ Suzieana binti Perian minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan apakah usaha Kementerian dalam mewujudkan rundingan diplomasi bagi menyelesaikan konflik Laut China Selatan yang melibatkan negara China dan negara-negara jiran agar konflik ini dapat diselesaikan dengan damai sekaligus menjamin keselamatan perairan negara.

33. PN-1533-L12930

Senator Dato' Shamsuddin bin Haji Abd Ghaffar minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah usaha Kerajaan ke arah penambahbaikan nilai ringgit berbanding USD dan bilakah usaha itu dijangka akan berjaya.

34. PN-1533-L13029

Senator Tuan Haji Hussin bin Ismail minta **PERDANA MENTERI** menyatakan pendirian Kerajaan yang hanya memberi penekanan tangkapan dan pendakwaan terhadap penerima rasuah tanpa mengenakan tindakan sewajarnya terhadap golongan pemberi rasuah yang semakin selesa kerana tidak didakwa dan bebas serta mempunyai pembelaan undang-undang.

35. PN-1533-L12767

Senator Tuan Musoddak bin Ahmad minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan usaha Kementerian bagi mempertingkatkan kempen pemakanan yang sihat dalam kalangan rakyat khususnya melibatkan penyakit berkaitan gula berlebihan susulan peningkatan ketara pesakit penyakit tidak berjangkit (NCD) dalam tempoh beberapa tahun kebelakangan ini.

36. PN-1533-L12438

Senator Dato' Dr. Ahmad Azam bin Hamzah minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk memperluaskan rangkaian pengangkutan awam seperti MRT, LRT, dan bas di kawasan luar bandar dan pinggir bandar bagi memastikan akses yang lebih baik kepada penduduk di kawasan tersebut.

37. PN-1533-L12920

Senator Datuk Seri Prof. Emeritus Dr. Awang bin Sariyan minta **PERDANA MENTERI** menyatakan program-program utama Akademi Kenegaraan Malaysia (AKM) untuk mencapai matlamat memperkukuh semangat patriotisme, disiplin dan integriti kepada golongan sasaran penting di negara ini dan apakah kejayaannya setakat ini.

38. PN-1533-L12674

Senator Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan apakah usaha Kementerian dalam memperkasakan Sekretariat Rukun Negara sebagai ejen memerangi polarisasi kaum.

39. PN-1533-L12738

Senator Datuk Lim Pay Hen minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan mengapakah jumlah bakat negara yang berjaya dibawa pulang menerusi *Returning Expert Programme* (REP) lebih rendah daripada permohonan yang diterima dan adakah terdapat kriteria tertentu yang ditetapkan Kementerian bagi kelulusan permohonan pulang bakat negara di bawah program ini.

40. PN-1533-L13096

Senator Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Che Salleh minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah hasrat Kerajaan dalam memperluaskan advokasi politik di dalam negara, memandangkan semakin hampir dengan pilihan raya akan datang. Adakah Kerajaan akan mengadakan kelas advokasi khusus di setiap negeri dan tidak hanya terhad kepada usaha Majlis Belia Malaysia (MBM) dan Rakan Muda.

41. PN-1533-L12638

Senator Datin Ros Suryati binti Alang minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sejauh manakah keperluan bagi semakan Kadar Dasar Semalaman (OPR) yang berkemungkinan berlaku pada awal tahun 2025 susulan rancangan Kerajaan untuk melaksanakan rasionalisasi subsidi petrol RON95 yang boleh mencetuskan pusingan baharu terhadap tekanan inflasi.

42. PN-1533-L12488

Senator Datuk Seri Dr. Hajah Zurainah binti Musa minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan peratusan rakyat Malaysia dewasa yang mengalami isu kesihatan mental berbanding 5 tahun yang lepas. Apakah usaha Kementerian dalam menangani isu kesihatan mental dan sejauh manakah ia berkesan.

43. PN-1533-L13076

Senator Tuan Isaiah a/l D Jacob minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan senarai program yang dijalankan untuk melatih golongan Orang Kurang Upaya (OKU) dalam bidang keusahawanan dan sejauh manakah kejayaan program-program tersebut.

44. PN-1533-L12543

Senator Prof. Tan Sri Datuk Dr. Hj. Mohamed Haniffa bin Hj. Abdullah minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan langkah-langkah komprehensif yang diambil oleh Kementerian bagi menangani isu defisit pemakanan dalam kalangan pelajar sekolah, terutamanya di kawasan luar bandar dan golongan berpendapatan rendah (B40).

45. PN-1533-L12429

Senator Tuan Pele Peter Tinggom minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan akan menambah peruntukan di bawah Ikhtiar SejaTi MADANI kepada Sarawak memandangkan Sarawak mempunyai tidak kurang daripada 6,300 Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) yang masih memerlukan dana untuk merancakkan ekonomi pendesaan komuniti masing-masing.

46. PN-1533-L12523

Senator Dato' Setia Salehuddin bin Saidin minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk menetapkan kadar baharu harga lantai belian padi sebanyak RM 1,800 satu tan bagi membantu mengimbangi kenaikan kos mengusahakan sawah ketika ini memandangkan pihak Kerajaan telah menaikkan harga lantai belian padi pada Oktober 2023 iaitu sebanyak RM 1,300 satu tan berbanding RM 1,200 satu tan pada tahun 2014.

47. PN-1533-L13105

Senator Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Che Salleh minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah strategi khusus Kementerian dalam Rangka Kerja Dasar Sumber Manusia Negara 2024-2030 yang akan dilaksanakan untuk menangani cabaran tenaga kerja akibat peningkatan populasi warga emas dan peralihan ke industri digital serta kecerdasan buatan. Bagaimanakah Kerajaan merancang untuk meningkatkan daya saing global Malaysia melalui dasar ini.

48. PN-1533-L12376

Senator Tuan Amir bin Md Ghazali minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah inisiatif yang sedang diusahakan Kerajaan untuk meningkatkan ketelusan dan akauntabiliti dalam pentadbiran Kerajaan. Adakah Kerajaan bercadang untuk memperkenalkan undang-undang atau kod etika yang lebih ketat bagi mengelakkan isu rasuah dan penyalahgunaan kuasa dalam kalangan penjawat awam dan pemimpin.

49. PN-1533-L12385

Senator Tuan Amir bin Md Ghazali minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan bagaimanakah Kementerian berusaha untuk meningkatkan kapasiti dan keupayaan Angkatan Tentera Malaysia (ATM). Apakah program atau inisiatif yang sedang dilaksanakan untuk memperkasakan keupayaan ketenteraan dalam aspek teknologi dan latihan.

50. PN-1533-L13019
Senator Tuan Haji Hussin bin Ismail minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan langkah-langkah konkrit yang sedang diambil oleh Kementerian untuk memastikan pengawasan dan penyeliaan yang ketat di pintu masuk negara bagi mengelakkan amalan '*counter setting*'.
51. PN-1533-L12511
Senator Tuan Michael Mujah Lihan minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan pelan strategik jangka panjang Kementerian dalam menangani isu industri agromakanan negara yang terjejas susulan bencana banjir terutama di kawasan *hotspot* dan apakah inisiatif terbaharu yang dirangka Kementerian bagi membantu para petani yang terjejas akibat bencana banjir ini.
52. PN-1533-L12714
Senator Tuan Musoddak bin Ahmad minta **PERDANA MENTERI** menyatakan statistik golongan yang terlibat dengan kegiatan homoseksual di negara ini khususnya dalam kalangan belia bagi tahun 2018 sehingga 2023.
53. PN-1533-L12859
Senator Tuan Manolan bin Mohamad minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan jumlah pemohon dan jumlah pinjaman yang diberikan kepada Orang Asli oleh Tekun Nasional pada tahun 2023.
54. PN-1533-L12591
Senator Dato' Ahmad bin Dato' Sri Hj. Ibrahim minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapakah peratusan penggunaan transaksi melalui kod QR DuitNow di Sarawak dan juga penggunaan kod QR DuitNow dalam kalangan peniaga dan penjaja industri kecil dan sederhana (IKS) untuk sepanjang suku kedua tahun 2024.
55. PN-1533-L12833
Senator Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz minta **PERDANA MENTERI** menyatakan statistik jumlah kes rasuah yang melibatkan penjawat awam yang telah direkodkan oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dalam tempoh lima tahun terakhir. Apakah langkah penyelesaian untuk menanganinya bagi meningkatkan mutu perkhidmatan awam kepada masyarakat.

56. PN-1533-L12939

Senator Dato' Sri Vell Paari a/l Tun Samy Vellu minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan adakah Kerajaan akan menyediakan lebih banyak program latihan dan peningkatan kemahiran bagi kaum India, terutamanya bagi mereka berumur di antara 25 hingga 40 tahun yang masih dalam pencarian peluang pekerjaan yang stabil dan bersesuaian.

57. PN-1533-L12974

Senator Dato' Sivaraj a/l Chandran minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan data terkini mengenai jumlah rumah PR1MA yang masih belum terjual. Apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk memudahkan golongan B40 dan M40 untuk memiliki rumah ini khususnya di kawasan bandar yang mempunyai permintaan yang tinggi.

58. PN-1533-L12532

Senator Dato' Setia Salehuddin bin Saidin minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah pihak JAKIM mempunyai badan khas di dalam Sistem HALAL Malaysia untuk memantau dan menganalisa produk import yang mempamerkan logo halal negara pengeluar sebelum produk tersebut boleh dipasarkan di pasaran negara Malaysia sebagai contoh logo Halal Thailand, Logo Halal China dan sebagainya.

59. PN-1533-L12871

Senator Tan Sri Dato' Low Kian Chuan minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan hasil penilaian projek perintis Dasar Gaji Progresif (PWP) yang telah dijalankan pada September 2024.

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

1. (D.R.59/2024) Rang Undang-undang Keselamatan Dalam Talian 2024 **Bacaan Kali Kedua**
[Menteri di Jabatan Perdana Menteri]

2. (D.R.57/2024) Rang Undang-undang Kanun Keseksaan (Pindaan) (No.2) 2024 **Bacaan Kali Kedua**
[Menteri di Jabatan Perdana Menteri]

3. (D.R.58/2024) Rang Undang-undang Kanun Tatacara Jenayah (Pindaan) (No.2) 2024 **Bacaan Kali Kedua**
[Menteri di Jabatan Perdana Menteri]

4. (D.R.51/2024) Rang Undang-undang Komunikasi dan Multimedia (Pindaan) 2024 **Bacaan Kali Kedua**
[Menteri Komunikasi]

5. (D.R.48/2024) Rang Undang-undang Kewangan 2024 **Bacaan Kali Kedua**
[Menteri Kewangan]

6. (D.R.49/2024) Rang Undang-undang Langkah-Langkah bagi Pemungutan, Pentadbiran dan Penguatkuasaan Cukai 2024 **Bacaan Kali Kedua**
[Menteri Kewangan]

7. (D.R.52/2024) Rang Undang-undang Profesion Undang-Undang (Pindaan) 2024 **Bacaan Kali Kedua**
- [Menteri di Jabatan Perdana Menteri]**
8. (D.R.65/2024) Rang Undang-undang Pemegang Amanah (Pindaan) 2024 **Bacaan Kali Kedua**
- [Menteri di Jabatan Perdana Menteri]**
9. (D.R.66/2024) Rang Undang-undang Pemegang Amanah (Pemerbadanan) (Pindaan) 2024 **Bacaan Kali Kedua**
- [Menteri di Jabatan Perdana Menteri]**
10. (D.R.43/2024) Rang Undang-undang Industri Perkhidmatan Air (Pindaan) 2024 **Bacaan Kali Kedua**
- [Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air]**
11. (D.R.44/2024) Rang Undang-undang Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (Pindaan) 2024 **Bacaan Kali Kedua**
- [Menteri Pengangkutan]**
12. (D.R.50/2024) Rang Undang-undang Cukai Aktiviti Perniagaan Labuan (Pindaan) (No.2) 2024 **Bacaan Kali Kedua**
- [Menteri Kewangan]**
13. (D.R.53/2024) Rang Undang-undang Syarikat Labuan (Pindaan) 2024 **Bacaan Kali Kedua**
- [Menteri Kewangan]**
14. (D.R.54/2024) Rang Undang-undang Amanah Labuan (Pindaan) 2024 **Bacaan Kali Kedua**
- [Menteri Kewangan]**

15. (D.R.55/2024) Rang Undang-undang Yayasan Labuan (Pindaan) 2024 **Bacaan Kali Kedua**
- [Menteri Kewangan]**
16. (D.R.56/2024) Rang Undang-undang Perkongsian Terhadap dan Perkongsian Liabiliti Terhadap Labuan (Pindaan) 2024 **Bacaan Kali Kedua**
- [Menteri Kewangan]**
17. (D.R.64/2024) Rang Undang-undang Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram (Pindaan) 2024 **Bacaan Kali Kedua**
- [Menteri Kewangan]**
18. (D.R.18/2024) Rang Undang-undang Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) (Pindaan) 2024 **Bacaan Kali Kedua**
- [Menteri di Jabatan Perdana Menteri]**
19. (D.R.20/2024) Rang Undang-undang Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) (Pindaan) 2024 **Bacaan Kali Kedua**
- [Menteri di Jabatan Perdana Menteri]**
20. (D.R.46/2024) Rang Undang-undang Majlis Perundingan Gaji Negara (Pindaan) 2024 **Bacaan Kali Kedua**
- [Menteri Sumber Manusia]**

21. (D.R.61/2024) Rang Undang-undang Ordinan Buruh Sarawak (Pindaan) 2024 **Bacaan Kali Kedua**

[Menteri Sumber Manusia]

22. (D.R.60/2024) Rang Undang-undang Perkongsian Data 2024 **Bacaan Kali Kedua**

[Menteri Digital]

**RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
(DEWAN NEGARA)**

<u>TAHUN 2024</u>	<u>RISALAT/DOKUMEN</u>	<u>TARIKH DIBENTANGKAN</u>
CMD. 32	Laporan Tahunan Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan (SPP) Tahun 2023	16 Disember 2024
ST. 11	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Kumpulan Wang Biasiswa Pengajian Tinggi Raja-Raja dan Yang DiPertua-Yang Di-Pertua Negeri Bagi Tahun 2020	16 Disember 2024
ST. 93	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Kumpulan Wang Biasiswa Pengajian Tinggi Raja-Raja dan Yang DiPertua-Yang-Di-Pertua Negeri Tahun 2021	16 Disember 2024
ST. 147	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) Bagi Tahun 2022	16 Disember 2024
ST. 148	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) Bagi Tahun 2022	16 Disember 2024
ST. 151	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) Bagi Tahun 2022	16 Disember 2024
ST. 153	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM) Bagi Tahun 2022	16 Disember 2024
ST. 243	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) Bagi Tahun 2023	16 Disember 2024
ST. 244	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp) Bagi Tahun 2022	16 Disember 2024

<u>TAHUN</u> <u>2024</u>	<u>RISALAT/DOKUMEN</u>	<u>TARIKH</u> <u>DIBENTANGKAN</u>
ST. 245	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Universiti Sultan Zainal Abidin (UNISZA) Bagi Tahun 2023	16 Disember 2024
ST. 246	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (EAIC) Bagi Tahun 2023	16 Disember 2024
ST. 248	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Akademi Sains Malaysia (ASM) Bagi Tahun 2023	16 Disember 2024
ST. 249	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Teknologis Malaysia (MBOT) Bagi Tahun 2023	16 Disember 2024
ST. 250	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) Bagi Tahun 2023	16 Disember 2024
ST.251	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Perbadanan Perwira Niaga Malaysia (PERNAMA) Bagi Tahun 2023	16 Disember 2024
ST. 252	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Perbadanan Perwira Harta Malaysia (PPHM) Bagi Tahun 2023	16 Disember 2024
ST. 253	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Perbadanan Hal Ehwal Bekas Angkatan Tentera (PERHEBAT) Bagi Tahun 2023	16 Disember 2024